

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
(PAYA BESAR)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [ PAYA BESAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha-usaha Kerajaan mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara dan sejauh manakah pelaburan swasta telah memberi gambaran keyakinan terhadap ekonomi Malaysia berada di paras terbaik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menyusun strategi dan memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang pada masa akan

datang. Dalam tempoh separuh pertama 2014, ekonomi negara menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan sebanyak 6.3% (Januari - Jun 2013: 4.4%). Perkembangan ini dipacu terutamanya oleh permintaan domestik yang kukuh serta prestasi perdagangan luar yang bertambah baik.

Sektor swasta terus menerajui aktiviti pelaburan dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 15% mencecah RM97.5 bilion dalam tempoh separuh pertama 2014 dengan peratusan pelaburan swasta kepada jumlah pelaburan kekal tinggi sebanyak 69% mencerminkan aktiviti sektor swasta yang cergas. Pelaburan ini tertumpu dalam subsektor perkhidmatan dan pembuatan, pelaksanaan projek infrastruktur yang berterusan dan pengembangan kapasiti dalam sektor minyak dan gas. Trend ini juga menunjukkan pertumbuhan ekonomi dipengaruhi terutamanya oleh sektor swasta dan dijangka meningkatkan momentum pertumbuhan ekonomi dalam jangka panjang.

Kerajaan akan terus menyediakan ekosistem yang kondusif dan

komprehensif bagi menarik pelaburan domestik dan asing. Inisiatif propertiagaan yang berterusan oleh Kerajaan telah mendapat pengiktirafan di peringkat global. Laporan World Bank Doing Business 2014 menunjukkan daya saing Malaysia telah meningkat ke kedudukan ke-6 daripada tempat ke-12 pada 2013. Kedudukan Malaysia juga bertambah baik dalam laporan IMD World Competitiveness Yearbook 2014 daripada tangga ke-15 ke tangga ke-12. Dalam World Investment Report 2014 yang dikeluarkan oleh United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD), Malaysia menduduki tangga ke-7 sebagai penerima tertinggi FDI di Asia membuktikan peningkatan keyakinan pelabur dalam memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan mereka.

Dalam Bajet 2015 yang diumumkan baru-baru ini, Kerajaan terus memberi penekanan terhadap usaha untuk mencergaskan aktiviti pelaburan swasta di negara ini termasuk:

Menggalakkan pelaburan berkualiti tinggi dan lebih bertumpu bagi projek pelaburan berasaskan teknologi, inovasi dan pengetahuan;  
Memastikan pertumbuhan wilayah yang seimbang dan inklusif dengan

galakan pelaburan di kawasan yang kurang membangun;

Merancak pelaburan awam dan swasta dengan melaksanakan beberapa projek infrastruktur seperti pembinaan MRT Jajaran Kedua dari Selayang ke Putrajaya dan Projek LRT3 yang menghubungkan Bandar Utama sehingga Shah Alam dan Klang;

Menyediakan insentif untuk pengurusan kawasan perindustrian; dan

Membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui SME Investment Partner dengan dana permulaan berjumlah RM375 juta serta menyediakan peruntukan berjumlah RM80 juta untuk Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan PKS.

Kesemua inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan ini akan mengukuhkan peranan sektor swasta dalam ekonomi seterusnya akan memacu pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, Kerajaan yakin pertumbuhan ekonomi akan terus kukuh dan mencapai sasaran antara 5.5% hingga 6% pada 2014 dan seterusnya 5% hingga 6% pada 2015.